

30 MAY 1996

Thai-Memorandum

MALAYSIA DAN THAILAND TANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Syarikat-syarikat Malaysia dan Thailand hari ini menandatangani tiga Memorandum Persefahaman -- dua mengenai jual dan beli gas asli dan satu lagi mengenai industri pengetinan dan perikanan.

Memorandum persefahaman mengenai Jual dan Beli Gas Asli daripada Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJDA) bagi Blok A-18 ditandatangani antara Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA); Petronas Carigali Sdn Bhd; Triton Oil Company of Thailand dan Triton Oil Company of Thailand (JDA) Ltd dan Petroleum Authority of Thailand (PAT); dan Petronas.

MTJA diwakili oleh ketua pegawai eksekutifnya Chru-Udom Ruangsuvan, Petronas Carigali oleh pengarahnya Datuk Mohamad Idris Mansor, Triton Oil Company of Thailand diwakili presidennya Thomas G.Finck, PAT oleh gabenornya Pala Sookawesh dan Petronas oleh presiden dan ketua pegawai eksekutif Datuk Mohamad Hassan Marican.

Satu lagi memorandum persefahaman mengenai Jual dan Beli Gas Asli daripada MTJDA bagi Blok B-17 dan Blok C-19 ditandatangani antara MTJA; Petronas Carigali; PTTEP International Ltd; PAT; and Petronas.

Syarikat-syarikat berkenaan diwakili oleh wakil yang sama kecuali PTTEP International yang diwakili oleh presidennya Dr Prajya Phinyawat.

Memorandum persefahaman ketiga antara Surat Canning Public Co Ltd dan N.S.Bahtera Sdn Bhd untuk melabur dan menyertai usahsama dalam industri pengetinan dan perikanan.

Surat Canning diwakili oleh pengarah urusannya Suriya Lapvisutisin manakala N.S.Bahtera oleh pengerusi eksekutifnya Haji Nik Sapeia Nik Yusof.

Timbalan Ketua Setiausaha (I) Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali memberitahu persidangan berita kemudian bahawa memorandum persefahaman mengenai jual dan beli gas asli menunjukkan kesediaan pihak yang berkenaan untuk berkongsi kepakaran dalam penerokaan gas.

"Dengan memorandum persefahaman ini, adalah dijangka penghantaran gas pertama dapat dilakukan pada 1999," katanya.

Upacara menandatangani memorandum persefahaman itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Thailand Banharn Silpa-Archa di Jabatan Perdana Menteri selepas mengadakan mesyuarat antara delegasi Thailand dan Malaysia.

Perdana Menteri Thai itu tiba semalam bagi lawatan rasmi dua hari ke Malaysia yang bertujuan mengukuhkan hubungan dua hala dan menggalakkan kerjasama ekonomi.

Banharn diiringi isterinya, Jamsai, dan 60 anggota rombongan termasuk Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Amnuay Virawan, Menteri Buruh dan Kebajikan Prasong Boonpong, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ahli-ahli perniagaan.

Beliau kemudian berlepas ke Singapura petang ini. -- BERNAMA

ES NAK